



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.9/2022  
PADA 28 SEPT 2022 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada llahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) yang menjadi pengukuran berimpak tinggi kepada semua lokaliti khususnya kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). Perkara ini bagi memastikan perancangan perbandaran khususnya dirangka dengan mengambil kira semua kriteria bawah Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN Ke-4) .
5. Selain itu, Indeks Daya Huni juga akan digunakan sebagai satu instrumen dasar ke arah menilai kemampunan bandar agar matlamat RFN Ke-4 dengan didasari Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dapat dicapai sebaiknya dengan fokus pemahaman konsep daya huni dalam pembinaan sebuah bandar yang sejahtera dan mampan, selaras dengan Agenda Pembangunan Global 2030 iaitu *Sustainable Development Goals* (SDG) dan *New Urban Agenda* (NUA).
6. Daya huni bermaksud kawasan atau penempatan itu berupaya memenuhi keperluan kehidupan dari aspek ekonomi, pendidikan, kesihatan, keperluan asas, infrastruktur, persekitaran hijau yang

bersifat lestari dan kalis masa depan. iDAM telah dilancarkan pada fasa pertama dengan pelaksanaannya melibatkan 101 PBT di Semenanjung Malaysia yang telah menggunakan sistem MurniNet.

7. Kerangka iDAM adalah berasaskan kepada enam kriteria utama iaitu
  - I. Ekonomi Makmur dan berdaya saing;
  - II. Kualiti persekitaran mampan dan selamat;
  - III. Komuniti sejahtera;
  - IV. Guna tanah dan penggunaan sumber yang berkesan;
  - V. Infrastruktur asas berkualiti, dan
  - VI. Tadbir urus bandar yang efisien.
8. Pengukuran iDAM yang bersifat dinamik akan menjadi persaingan sihat kepada semua pihak berkepentingan untuk memastikan setiap kawasan PBT meningkatkan tahap daya huni masing-masing. iDAM menjadi antara indikator penting dalam perkembangan dan pembangunan ekonomi sesebuah kawasan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk peringkat kawasan PBT.
9. Di samping itu, iDAM juga akan membantu meningkatkan penarafan Malaysia dalam *Global Liveability Index* yang sekali gus mampu menarik pelabur dan ekspatriat menghantar anak-anak belajar di Malaysia. Selain itu, iDAM akan meletakkan Malaysia di pentas dunia seiring dengan negara luar yang mempraktikkan pengukuran dan penilaian kesejahteraan penduduk di sesebuah bandar seperti *Economist Intelligence Unit* (EIU) di United Kingdom, *Mercer* di Amerika Syarikat dan *Monocle* di Eropah.

10. Saya menyeru seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban akan terus bersatu dan bekerjasama kepada sistem pentadbiran yang kukuh, penuh prinsip dan berintegriti agar jalinan dan kerjasama secara utuh antara kementerian, agensi dan MBS dalam memastikan agenda negara berdaya huni dapat dijayakan bersama secara 'cross agencies'. Hal ini mampu memberikan suatu keputusan yang baik kepada MBS dalam meraih Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi pada tahun akan datang. *In shaa allah.*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

11. Kursus Kecemerlangan Diri Dan Peningkatan Prestasi Majlis Bandaraya Seremban Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 5-7 September 2022 bertempat di PD Forest, Sungai Menyala, Port Dickson. Kursus ini melibatkan 42 orang kakitangan. Antara objektif kursus ini ialah;
- I. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka tentang konsep dan kepentingan budaya kerja elit di tempat kerja.
  - II. Meningkatkan tahap kepercayaan dan saling hormat menghormati sesama ahli pasukan.
  - III. Memantapkan kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah secara berpasukan di tempat kerja.
  - IV. Membantu meningkatkan motivasi, keyakinan dan iltizam diri dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan.

12. Selain itu, seramai 41 orang terdiri daripada Ahli Majlis dan Pengurusan Majlis Bandaraya Seremban telah menghadiri Pemeriksaan Kesihatan di Institut Jantung Negara (IJN) pada 13 & 15 September.

*Sumber: Jabatan Khidmat Pengerusan*

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

### **EDARAN NOTIS E & BIL CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL 2/2022**

13. Sebanyak 113,766 akaun Cukai Taksiran telah dikenakan Notis E dengan jumlah RM2,275,320.00 pada 1 September 2022. Majlis menangguhkan cetakan Notis E dan hanya menghantar bil digital buat masa ini. Sebanyak 7,458 bil digital secara emel berjumlah RM7,041,783.93 dan 28,959 bil digital secara SMS berjumlah RM22,298,464.63 turut akan dihantar kepada pemilik harta.

### **POTONGAN DISKAUN NOTIS E 70% BAGI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN**

14. Mesyuarat Majlis Penuh Bil 8/2022 yang bersidang pada 24 Ogos 2022 telah meluluskan cadangan bagi menghapuskira Notis E sebantak 70% dan tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap akaun dengan syarat keseluruhan tunggakan Majlis dijelaskan sepenuhnya bermula 1 September 2022 sehingga 31 Disember 2022. Setakat 19 September 2022, sebanyak 511 akaun telah mendapat pengecualian berjumlah RM31,919.00

#### **KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN DAN SEWA**

15. Operasi Kaunter Bergerak kutipan Cukai Taksiran pintu ke pintu telah diadakan di 44 lokasi. Jumlah kutipan mulai 8 Januari 2022 sehingga 17 September 2022 adalah RM225,130.28 Manakala, Kaunter bergerak bagi sewa gerai dan pasar diadakan di 30 lokasi terpilih bermula 11 Januari 2022 sehingga 13 September 2022. Jumlah kutipan adalah sebanyak RM76,586.95

#### **LAWATAN KE PREMIS BERTUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN YANG TINGGI**

16. Lawatan telah diadakan pada 27.01.2022 hingga 18.08.2022 di 37 buah premis mengikut kategori ‘*Cold Case*’, Firma/Syarikat, Hotel, Kilang, Persatuan, Pasaraya dan Pemaju. Setakat 18 Ogos 2022, kutipan diterima adalah RM22,145.80 Jumlah keseluruhan tunggakan Cukai Taksiran premis tersebut adalah RM1,501,150.77

*Sumber: Jabatan Kewangan*

YBhg. Dato’, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

#### **PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

17. Sehingga 18 September 2022, Majlis telah menjalankan aktiviti kawalan *fogging* sebanyak 43,561 buah premis, ULV 70,883 buah premis, *larvaciding* di 75 lokaliti, *source reduction* di 75 lokaliti dan gotong royong di 88 taman perumahan serta sebanyak 391 aktiviti sanitasi dan 448 disinfeksi.

18. Selain itu, sehingga 20 September 2022, rekod terkini bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale merekodkan sebanyak 269 kematian biasa dan 526 kematian covid-19. Seterusnya bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 141 kematian biasa dan 23 kematian covid-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 sebanyak 262 kematian biasa direkodkan manakala bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai sehingga 20 September 2022 masih tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan ini.

*Sumber: Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutuan*

## **PELAPORAN JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP**

### **Festival Bunga & Taman Diraja Putrajaya 2022**

19. ROYAL FLORIA Putrajaya yang diketuai oleh Jabatan Taman dan Landskap dan dibantu oleh urusetia yang lain dapat dilaksanakan dan dijayakan dengan sempurna. Bermula daripada 20 Ogos 2022, kerja-kerja di tapak telah bermula sehingga hari untuk penjurian dan pemarkahan pada 28 Ogos 2022. Floria Putrajaya telah berlangsung daripada 29 Ogos 2022 sehingga 11 September 2022.
20. Jabatan Taman dan Landskap telah merangkul dua anugerah iaitu memenangi tempat ke 3@bronze bagi *Government Sector* dari 7 agensi kerajaan yang bertanding dan anugerah *President's Garden Award*. Tahniah Diucapkan.

*Sumber: Jabatan Taman dan Landskap*

## **PELAPORAN UNIT COB**

21. Pada 19 September 2022, Unit Pesuruhjaya Bangunan (Unit COB) telah menganjurkan Seminar Pengurusan Strata yang bertempat di Bilik Waris Klana di Hulu, Wisma MBS. Tujuan seminar ini di adakan adalah untuk memberi pengetahuan , pendedahan secara berterusan dan pemahaman secara terperinci tentang SOP Pengurusan Aduan dan Akaun kepada pemaju dan badan pengurusan.

*Sumber: Unit COB*

## **PELAPORAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

### **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2022**

22. Pada 23-25 Ogos, Majlis Bandaraya Seremban telah menghantar 2 penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2022, yang diwakili oleh Jabatan Taman dan Lanskap dan Jabatan Undang Undang dan Penguatkuasaan bagi kategori Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu
23. Kumpulan Tangan Hijau daripada JTL telah menghasilkan produk inovasi yang diberi nama *Willipot* (Penggerak Pasu Mudah Alih) yang bertujuan memudahkan proses mengangkat dan mengalihkan pasut berat. Manakala Kumpulan A-Qar daripada JUUP telah menghasilkan projek “Kandang Mobile” yang bertujuan untuk menangkap lembu-lembu yang terbiar.

*Sumber: Unit Komunikasi Korporat*

## **PENUTUP**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

24. Dikesempatan ini Majlis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja MBS, agensi-agensi dan seluruh warga bandar raya Seremban yang telah bersama-sama meraikan bulan kebangsaan dengan pelbagai aktiviti dan program. Sambutan Hari Malaysia yang telah diadakan di Padang MBS turut mendapat sambutan yang sangat luar biasa daripada pengunjung yang hadir. Diharapkan pada tahun hadapan akan ada lebih banyak pengisian program-program yang menarik serta dapat melibatkan warga bandar raya.
  
25. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar segala tindakan berkaitan aduan-aduan yang diterima dapat diselesaikan dengan segera dan berkesan. Lebih-lebih lagi, dalam menghadapi sebarang kebarangkalian bencana yang akan berlaku seperti ramalan tinjauan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dijangka akan berlaku taburan hujan yang agak membimbangkan bermula pada bulan September 2022 ini hingga Mac tahun depan, dan peningkatan taburan hujan dijangka paling tinggi adalah pada bulan November 2022. Saya ingin memohon agar pasukan task force MBS sentiasa siap siaga bagi menghadapi kebarangkalian bencana ini.

26. Akhir kata, semoga segala usaha Majlis laksanakan bagi membangunkan dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada warga bandar raya terus dipermudahkan bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera.

Sekian, terima Kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
28 SEPTEMBER 2022**